

**MAKLUMAT KELAYAKAN PEGAWAI MENGIKUTI KURSUS EXECUTIVE
PROGRAM ON SYSTEM THINKING FOR TRANSFORMATION AND
SUSTAINABILITY DI AUSTRALIA PADA 19 MEI HINGGA 30 MEI 2025**

- 1) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menguruskan dan membiayai kemudahan dan elaun-elaun berkursus seperti berikut:
 - (i.) Yuran kursus termasuk kemudahan tempat latihan, penginapan, lawatan industri dan pengangkutan domestik di Australia, bayaran tenaga pengajar (*prominent speakers*), bahan dan kit latihan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain;
 - (ii.) Tambang penerbangan pergi dan balik (KL - Brisbane- KL); dan
 - (iii.) Elaun makan bagi kemudahan yang tidak disediakan sepanjang tempoh berkursus di luar negara termasuk hari perjalanan ke tempat kursus.
- 2) Lain-lain kemudahan yang tidak termasuk dalam penajaan JPA seperti tuntutan perjalanan dalam Malaysia dan ke lapangan terbang, bayaran passport antarabangsa, visa, elaun pakaian panas serta elaun pelbagai yang dibenarkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 1.10 hendaklah dituntut kepada Jabatan pegawai tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.